

SOALAN NO. 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN**

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

**YB HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN [Ampang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam melarang perkahwinan bawah
umur memandangkan Malaysia telah menerima satu resolusi Pertubuhan**

Bangsa Bersatu (PBB) untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak pada Oktober 2013.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan kesihatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah.

Perkahwinan bawah umur akan memberi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi aspek seperti kesihatan, pendidikan dan kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka.

Sungguhpun UN General Assembly telah menerima pakai resolusi bertajuk *Child, Early and Forced Marriage* (CEFM) pada tahun 2013 secara sebulat suara iaitu, dengan izin, *adopted without a vote* iaitu tiada sebarang undian dijalankan, namun resolusi ini secara amnya tidak mengikat (*non-binding*). Ini bermakna resolusi berkenaan tidak mewajibkan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) untuk melaksana resolusi CEFM ini atau mengemukakan laporan mengenai sebarang perkembangan berkaitan isu ini.

Kementerian telah mengambil dan masih meneruskan beberapa langkah dalam menangani isu perkahwinan bawah umur ini seperti berikut:

- a. Pewujudan **Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Kebangsaan** untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan mengenai kesihatan reproduktif serta advokasi dalam kalangan masyarakat seperti Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI);
- b. Penubuhan **Task Force Perkahwinan Bawah Umur** di bawah Majlis

Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak. *Task force* ini terdiri daripada agensi Kerajaan yang berkaitan, ahli akademik dan aktivis kanak-kanak yang meneliti isu berkaitan perkahwinan bawah umur. Antara perkara yang diusulkan di bawah *task force* ini ialah penyediaan laporan perubatan dan laporan sosial yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie (Muslim), Ketua Menteri (bukan Muslim) dan Ketua Adat sebelum meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur;

- c. Meningkatkan kesedaran mengenai **ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan** dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin melalui kursus-kursus seperti Kursus Pra-Perkahwinan dan SMARTSTART yang disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN);
- d. Pewujudan pusat remaja kafe@TEEN oleh LPPKN di seluruh negara. Kafe@TEEN menyasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja dan ini termasuklah kesihatan reproduktif. Antara aspek yang diberi tumpuan

ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup; dan

- e. **Konsultasi secara berterusan dengan agensi yang bertanggungjawab ke atas undang-undang berkaitan perkahwinan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Mahkamah.**

Bagi mengelakkan perkahwinan muda, kesedaran masyarakat berkenaan pentingnya mengutamakan perkembangan kanak-kanak secara holistik adalah penting. Saya ingin menyeru kepada semua ahli Yang Berhormat yang berada di dalam dewan yang mulia ini supaya berjuang bersama-sama kerajaan untuk memberi pendidikan kepada masyarakat berkenaan keburukan perkahwinan muda dan pentingnya mengutamakan pendidikan yang sempurna sebelum memulakan hidup berkeluarga.